

# PEMAHAMAN DAN PENGETAHUAN LOGISTIK DALAM KALANGAN PELAJAR PROGRAM SIJIL PERKHIDMATAN LOGISTIK KOLEJ KOMUNITI

Mohd Azuan Bin Ali, Rafizah Binti Daud dan Noor Azah Binti Abdul Raman

**Abstrak** – Penawaran bidang logistik dalam institusi Pendidikan di Malaysia telah mendapat tempat sejajar dengan peluang permintaan pekerjaan dari industri. Pelajar perlu peka dan menyedari bahawa pengurusan rangkaian logistik digunakan secara meluas oleh industri perniagaan bagi mempercepatkan operasi perniagaan. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji kesedaran dan pengetahuan terhadap logistik dalam kalangan pelajar Program Sijil Perkhidmatan Logistik di tiga buah Kolej Komuniti Malaysia. Oleh itu kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui tahap pengetahuan pelajar terhadap pendidikan logistik di Kolej Komuniti. Responden kajian ini melibatkan 119 orang pelajar Program Sijil Perkhidmatan Logistik di Kolej Komuniti. Soal selidik telah diedarkan secara data talian melalui *Google Form* dan data telah dianalisis menggunakan statistik frekuensi. Hasil kajian ini mendapati lebih daripada 80% pelajar dapat memahami keperluan bidang logistik yang telah dipelajari di Kolej Komuniti.

**Kata kunci-** Logistik, pengetahuan dan Pendidikan

## I. PENDAHULUAN

Logistik adalah pautan penting dalam rantaian bekalan kerana ia memudahkan pergerakan barang dari pembekal ke pengilang dan kemudian ke penjual atau pengedar dan akhirnya kepada pembeli. Pengurusan rantaian bekalan pada dasarnya adalah satu siri transaksi perniagaan yang melibatkan penghantaran barang. Jika pengurusan logistik tidak diuruskan dengan baik maka rantaian bekalan gagal dan urus niaga terhenti. Penggunaan teknologi maklumat secara digital mampu untuk mengubah jangkaan dan peluang untuk industri logistik (Skapinyecz *et al.*, 2018). Teknik dan teknologi baru yang diperkenalkan dalam pengeluaran dan perkhidmatan, operasi pelbagai rangkaian dan keperluan untuk globalisasi menjadikannya perlu untuk mengatasi kerumitan dalam sistem logistik. Usahawan perniagaan yang berjaya akan mengakui kepentingan logistik yang teratur dengan berkesan serta memahami bahawa pelaksanaan logistik yang lancar adalah elemen utama selaras dengan permintaan pelanggan dan mengatasi pesaing.

Mohd Azuan Bin Ali, Kolej Komuniti Jasin, Malaysia (Email: ilanauza2018@gmail.com)  
Rafizah Binti Daud, Kolej Komuniti Jasin, Malaysia (Email: rafizah@kkjs.edu.my)  
Noor Azah Binti Abdul Raman, Politeknik Merlimau, Malaysia (Email: azah@kkjs.edu.my)

## I. PENYATAAN MASalah

Kementerian Pendidikan Tinggi harus peka kepada perubahan pesat dalam amalan dan perkembangan selanjutnya dalam program logistik untuk menaik taraf kursus dan program bagi memenuhi perubahan permintaan industri. Menurut Daud (2012) berdasarkan kajian yang lepas bahawa terdapat hubungan yang kuat antara institusi pengajian tinggi yang menawarkan ijazah dalam program logistik dan kadar keperluan pekerjaan yang tinggi. Walaubagaimanapun, Malaysia juga tidak terkecuali mengalami kesan sosioekonomi daripada pandemik COVID 19. Di mana pandemik telah mengakibatkan gangguan rantaian bekalan, perjalanan dan mengehadkan aliran perdagangan dan pelaburan. Syarikat logistik telah terjejas olehkekangan operasi (kelewatan penghantaran, kesesakan dan kadar pengangkutan yang lebih tinggi) dan permintaan yang lebih rendah dalam sektor-sektor tertentu (OECD, 2021). Keperluan pendidikan dalam bidang logistik yang menepati kehendak industri adalah diperlukan bagi menyediakan individu berkemahiran tinggi dan kompeten untuk bekerja dalam sektor ini. Pelajar-pelajar yang menuntut di Institut Pengajian Tinggi di pelbagai peringkat seperti sijil, diploma dan ijazah juga perlu membuat persiapan diri sebelum tamat pengajian. Pelajar perlu menyedari bahawa penggunaan teknologi digital adalah digunakan secara meluas oleh syarikat-syarikat logistik bagi mempercepatkan operasi (Mat Isa, 2020). Kolej Komuniti Malaysia telah membuat penawaran bagi Program Sijil Perkhidmatan Logistik bermula tahun 2020. Memandangkan program ini masih baru dijalankan, kajian telah dijalankan bagi mengetahui tahap pengetahuan pelajar terhadap pengurusan logistik. Hasil dapatan kajian diharapkan dapat membantu penyelidik untuk membuat penamaian hasil pembelajaran kursus.

## II. KAJIAN LITERATUR

Logistik ditakrifkan sebagaian daripada proses rantaian bekalan yang merancang, melaksanakan dan mengawal aliran logistik, penyimpanan barang, perkhidmatan, dan maklumat yang berkaitan dari tempat asal produk ke titik penggunaan untuk memenuhi keperluan pelanggan (Azmi *et al.*, 2020). Bidang logistik juga dilihat dapat meningkatkan kecekapan dan fleksibiliti dalam sesuatu organisasi bagi meningkat sebahagian daripada jumlah pengeluaran sesuatu organisasi. Aghazadeh (2003) menyatakan bahawa logistik adalah proses strategik dalam menguruskan pergerakan dan penyimpanan bahan atau produk dan maklumat yang berkaitan dari mana-mana pergerakan dalam proses pembuatan untuk memberikan kepuasan

kepada pengguna. Menurut Tukamuhabwa et al. (2021), keupayaan logistik dalam pengurusan permintaan dan pengurusan maklumat membolehkan firma membezakan aktiviti logistik sesebuah firma dengan pesaing dalam perniagaan. Sejak kebelakangan ini pengurusan dalam bidang logistik telah menjadi perhatian untuk mengekalkan reputasi syarikat dan memenuhi jangkaan pelanggan. Perkembangan telekomunikasi dan teknologi maklumat telah mencipta banyak peluang untuk meningkatkan integrasi pergerakan ini dan mengakibatkan peningkatan dalam keseluruhan prestasi dalam rantaian logistik. Logistik juga telah dianggap sebagai isu yang layak mendapat keutamaan dalam setiap perusahaan.

Menurut McKinnon (2017), pengurusan logistik boleh membantu syarikat mendapat kelebihan melalui kedua-dua nilai seperti kepelbagaian produk, pembangunan produk bernilai lebih tinggi dan kualiti perkhidmatan yang lebih baik. Aktiviti logistik dalam perusahaan boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu (i) Aliran hadapan barang. Aliran hadapan ini adalah merangkumi pengendalian bahan transformasi, pengangkutan, pembuatan, pemasangan dan pembungkusan (ii) Aliran untuk memberi semula maklumat. Maklumat yang berkaitan adalah seperti pertukaran maklumat mengenai pesanan, penghantaran dan pengangkutan. (iii) Pengurusan dan kawalan. Aliran ketiga ini meliputi proses perancangan, pemasaran, pembelian, ramalan, pengurusan inventori, jualan dan perkhidmatan selepas jualan. Semua proses pengurusan logistik ini dilaksanakan dengan menggunakan sumber dalam bentuk aset kewangan, peralatan, tenaga kerja dan kemudahan. Penggunaan mereka dikawal oleh prosedur dan protokol seperti jadual, skim, pelan dan kontrak. Dengan syarat bahawa standard prestasi diterima dan sumber yang digunakan dapat menyumbang kepada tambah nilai kepada barang.

Pelajar-pelajar yang sedang mengambil program-program dalam bidang logistik terutamanya di Malaysia perlu mengetahui faedah mempelajari bidang logistik dan peluang pekerjaan pekerjaan boleh diceburi selepas tamat belajar. Untuk terus berdaya saing dalam era globalisasi ini, ilmu adalah salah satunya faktor penting dalam firma logistik. Institusi Pengajian Tinggi memainkan peranan dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti untuk pelajar logistik bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang boleh diaplikasikan dalam persekitaran pekerjaan (Ozment & Keller, 2011). Perlu ada perkongsian antara pendidikan tinggi dan pakar logistik untuk menyediakan logistik pelajar yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran. Teguran yang dibangkitkan daripada ahli akademik dan pakar logistik telah termasuk bagaimana pelajar logistik tidak dapat bekerja dalam persekitaran kerja (Trautrim, et al., 2016). Oleh itu, ahli akademik dan pereka bentuk pengajaran harus melibatkan diri dalam kurikulum untuk membangunkan pendidikan berkualiti tinggi untuk pelajar logistik untuk cemerlang dalam industri.


### III. METODOLOGI

Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah kuantitatif. Responden bagi kajian ini adalah seramai 119 orang pelajar daripada Program Sijil Perkhidmatan Logistik di tiga buah Kolej Komuniti iaitu Kolej Komuniti Jasin, Kolej Komuniti Sepang dan Kolej Komuniti Rantau Panjang. Ujian kebolehpercayaan skala membuktikan bagaimana ia bebas daripada kesalahan rawak (Pallant, 2005). Antara indikator yang terkenal dalam usaha untuk membuktikan kebolehpercayaan adalah ketekalan dalaman (internal consistency). Kajian ini menggunakan Pekali Cronbach Alpha untuk mengukur tahap kebolehpercayaan ketekalan dalaman tersebut. Nunnally (1978) menyatakan bahawa sekiranya nilai Cronbach Alpha itu dalam julat 0-1, maka 0.7 dan ke atas menandakan kebolehpercayaan ketekalan dalaman yang tinggi. Soal selidik ini telah diedarkan secara dalam talian melalui Google Form dan data telah dianalisis dengan menggunakan analisis frekuensi. Soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu (a) Demografi (b) Mengenalpasti pengetahuan pelajar terhadap logistik (c) Mengenalpasti pemahaman pelajar terhadap logistic (d) Soalan umum. Skala Likert lima mata yang digunakan adalah merujuk kepada Chomeya (2010) iaitu Sangat tidak setuju (1), Tidak setuju (2), Kurang setuju (KS), Setuju (S) dan Sangat setuju (5).

## II. DAPATAN DAN ANALISA

### Bahagian A: Demografi


Data demografi adalah untuk mengetahui informasi berkaitan latarbelakang responden seperti jantina, umur dan bangsa. Rajah 1 menunjukkan analisis demografi responden berdasarkan jantina. Peratus pelajar lelaki adalah lebih ramai iaitu 56.3% berbanding pelajar perempuan sebanyak 43.7.



Rajah 1: Jantina


Rajah 2 menunjukkan analisis demografi responden berdasarkan umur. Peratus umur 19 tahun adalah yang paling tinggi iaitu 50.4%. Ini menunjukkan bahawa kebanyakkannya responden melanjutkan pelajaran

selepas tamat peperiksaan SPM.



Rajah 2: Umur


Rajah 3 menunjukkan analisis demografi responden berdasarkan mengikut bangsa. Peratus bangsa Melayu adalah yang paling tinggi iaitu 81.5%. berbanding bangsa lain. Ini menunjukkan pelajar melayu adalah golongan majoriti berminat dengan program logistik.



Rajah 3: Bangsa


#### Bahagian B: Mengenal pasti pengetahuan pelajar terhadap logistik

Bahagian B merupakan soalan mengenalkan pengetahuan pelajar terhadap logistik. Soalan ini ingin melihat sejauh mana pelajar mengetahui dan mengenali logistik. Rajah 4 menunjukkan sebanyak 52.1% pelajar mengetahui tentang logistik melalui sumber internet. Hal ini dapat dilihat bahawa internet merupakan platform yang sangat dominan untuk kebanyakan pelajar mengetahui tentang penawaran program ini. Selain itu sebanyak 26.1% mengetahui tentang logistik melalui ibu bapa. Perkara ini dapat dipastikan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting dan berkongsi maklumat bersama-sama anaknya. Manakala sebanyak 14.3% mengetahui logistik melalui adik beradik mereka. Hal ini mungkin kerana adik beradik mereka yang pernah menyambung pelajaran dalam kursus logistik mendedahkan tentang kewujudan program ini dan kebaikan serta kebolehan yang ada sekirangnya menyambung pelajaran dalam bidang logistik.




Rajah 4: Sumber program logistik

Rajah 5 menunjukkan faktor-faktor pelajar menyambung pelajaran dalam bidang logistik. Ini dapat dilihat daripada dapatan data yang telah dibuat sebanyak 61.3% pelajar menyedari dengan menyambung pelajaran dalam bidang logistik banyak peluang pekerjaan yang mereka perolehi selepas tamat belajar. Selain itu faktor lain yang menyebabkan mereka menyambung pelajaran dalam bidang logistik adalah kerana minat dan ingin mencuba dalam bidang logistik iaitu sebanyak 25.2%. Faktor selebihnya yang menyebabkan mereka menyambung pelajaran dalam bidang logistik adalah kerana dorongan ibu bapa dan pilihan terakhir untuk sambung belajar.



Rajah 5: Faktor-Faktor Pemilihan Program Logistik

Rajah 6 menunjukkan pengetahuan asas responden dalam bidang logistik. Ini dapat dilihat daripada dapatan data yang telah dibuat sebanyak 36.1% pelajar berpendapat bahawa bidang ini adalah berkaitan dengan eksport dan import. Manakala sebanyak 21.1% beranggapan bahawa logistik adalah berkaitan dengan pengangkutan dan pengurusan inventori.



Rajah 6: Pengetahuan Asas Logistik


#### Bahagian C: Mengenal pasti pemahaman pelajar terhadap logistik

Bahagian C merupakan soalan mengenai kenal pasti pemahaman pelajar terhadap logistik. Rajah 7 menunjukkan adalah untuk mengenal pasti pemahaman pelajar terhadap logistik. Ini dapat dilihat daripada iaitu 66.4% orang pelajar sangat setuju bidang logistik dapat membantu memulihkan ekonomi negara selepas covid-19.




Rajah 7: Pemahaman pelajar terhadap bidang logistic

Rajah 8 menunjukkan 58% orang pelajar sangat setuju pendidikan logistik merupakan program yang makin dipandang oleh masyarakat. Hal ini kerana responden merasa terdapat banyak pendidikan yang melibatkan program lain yang lebih banyak peluang pekerjaan oleh masyarakat di luar sana.



Rajah 8: Pendidikan logistik merupakan kursus atau program yang makin dipandang oleh masyarakat


Rajah 9 menunjukkan 58.8% orang pelajar sangat setuju pendidikan logistik merupakan program yang mempunyai permintaan yang tinggi berbanding program yang lain.



Rajah 9: Pendidikan logistik adalah kursus atau program yang mempunyai permintaan yang tinggi


#### Bahagian D: Soalan Umum

Bahagian D merupakan soalan umum yang dibuat untuk melihat sejauh mana pendidikan logistik penting dalam kehidupan sehari-hari. Berbeza. Rajah 10 menunjukkan 53.8% orang pelajar sangat setuju pendidikan logistik sangat penting dalam kehidupan sehari-hari.




Rajah 10: Pendidikan logistik sangat penting dalam kehidupan sehari-hari

Rajah 11 menunjukkan seramai 73.1% orang pelajar sangat setuju bidang logistik memberi peluang pekerjaan yang banyak.



Rajah 11: Pendidikan logistik memberi peluang pekerjaan yang banyak

Rajah 12 menunjukkan seramai 83 orang iaitu 69.7% pelajar sangat setuju kebanyakannya pekerjaan di negara akan melibatkan pengurusan dalam bidang logistik.



Rajah 12: Pekerjaan di negara akan melibatkan pengurusan dalam bidang logistik

#### VI. KESIMPULAN

Pemerhatian umum dari populasi sampel adalah bahawa melalui *Google Form*, pensyarah dapat merekod tahap pengetahuan pelajar dan pemahaman pelajar terhadap bidang logistik. Kesimpulannya, bidang atau kursus logistik memberi maklum balas yang baik dan diterima ramai oleh semua pelajar. Kursus ini semakin mendapat perhatian daripada masyarakat berdasarkan norma kemasukan pelajar yang sangat memberangsang. Berdasarkan daripada data keseluruhan dan analisis yang telah dilaksanakan telah menunjukkan tahap pengetahuan dan pemahaman pelajar adalah lebih daripada 80%. Ini menunjukkan proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang telah disediakan daripada pihak kolej komuniti dapat menambah pengetahuan para pelajar supaya menceburi bidang logistik. Di harap pada masa akan datang kajian berkaitan prestasi dan kebolehpasaran boleh dilaksanakan untuk memantapkan Program Sijil Perkhidmatan Logistik di semua Kolej Komuniti yang menawarkan bidang ini.

#### RUJUKAN

- Azmi, W.N.W., Kamaruddin, N.K. & Ahmad, N. (2020). *Faktor-faktor adaptasi logistik terbalik di sektor pembuatan*. Kajian kes di Malaysia. Kajian Kes di Malaysia., eprints UTHM, pp. 1-10

- Aghazadeh, S. (2003). How to Choose an Effective Third-Party Logistics Provider. *Management Research News*, 26(7), pp. 50-58
- Chomeya, R. (2010). Quality of psychology test between Likert scale 5 and 6 points. *Journal of Social Sciences*, 6(3), 399-403.
- Daud, D. (2012). *Logistics educational needs of Malaysia: A conceptual study*. Academic Research International, 3(3), 336.
- Mat Isa, M.S. (2020, 9 September). *Peluang perkasa industri logistik negara*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2020/09/peluang-perkasa-industri-logistik-negara/>
- McKinnon, A. (2017). Integrated logistics strategies. In *Handbook of logistics and supply-chain management*. Emerald Group Publishing Limited.
- Ozment, J., & Keller, S. B. (2011). The future of logistics education. *Transportation Journal*, 50(1), 65-83.
- Skapinyecz, R., Illés, B., & Bánya, Á. (2018, November). Logistic aspects of Industry 4.0. In *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering* (Vol. 448, No. 1, p. 012014). IOP Publishing.
- Tukamuhabwa, B., Mutebi, H., & Kyomuhendo, R. (2021). Competitive advantage in SMEs: Effect Of Supply Chain Management Practices, Logistics Capabilities and Logistics Integration in A Developing Country. *Journal of Business and Socio-economic Development*, (ahead-of-print).
- Trautrim, A., Defee, C., & Farris, T. (2016). Preparing Business Students for Workplace Reality—Using Global Virtual Teams in Logistics And SCM Education. *The International Journal of Logistics Management*, 27(3), 886-907.
- The Organization for Economic Cooperation and Development (2021). *Competition Assessment Reviews: Logistics Sector in Malaysia*.